

07 OCT 2003

Asean-Penghormatan

ASEAN BERI PENGHORMATAN KEPADA DR MAHATHIR

NUSA DUA (Bali), 7 Okt (Bernama) -- Majlis menandatangani perjanjian Asean Concord II menyaksikan beberapa detik suram apabila Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, tidak dapat menahan sebak semasa menyampaikan penghormatan khas kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara pada hujung bulan ini.

Megawati berkata, sidang kemuncak dua hari itu yang menyaksikan pencapaian bersejarah Asean iaitu perjanjian Bali Concord II, tidak dapat mengelakkan suasana sedih - kerana ia kali terakhir sidang kemuncak Asean dirasmikan dengan kehadiran Dr Mahathir.

"Hari ini kita mengambil peluang untuk mengucapkan selamat berpisah kepada Dr Mahathir. Ia perpisahan yang agak ganjil kita sampaikan kepadanya," katanya dalam ucapan sentimental yang turut menyertakan kata-kata pujian bagi Dr Mahathir, seorang pemimpin yang dianggap sebagai Tokoh Asia Baru.

Beliau berkata, tanda kenegarawanan Dr Mahathir jelas terdapat dalam Asean dan beliau akan sentiasa dikenangi dalam perkumpulan itu.

"Pencapaian mindanya begitu jauh dan luas sehinggakan setiap isu di hadapan kita, kita selalunya cuba mengimbas balik apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir mengenainya," kata beliau.

Megawati berkata, Dr Mahathir selalunya mempunyai pandangan teguh dan bernas, dan tidak teragak-agak untuk menyatakan sesuatu yang tidak menyenangkan, dan menambah kata tiada cara untuk mengira perkara-perkara yang beliau sumbangkan bagi Asean.

"Memang, beliau merupakan antara mereka yang berusaha gigih untuk menjelaskan wawasan Asean akan dirinya," kata beliau.

Beliau berharap, Perdana Menteri akan terus berkongsi pandangan dan kebijaksanaannya pada bila-bila masa apabila para pemimpin Asean menghadapi cabaran besar.

Megawati, pengerusi semasa Asean kemudian menyampaikan kepada Dr Mahathir satu momento dalam bentuk gambar foto kumpulan pemimpin-pemimpin Asean yang diambil sebelum sidang kemuncak bermula pada pagi ini.

Rasa terima kasih Asean dan penghargaan kepada Dr Mahathir yang mengetuai Malaysia sejak 22 tahun lepas, bukan tanpa merit.

Di bawah kepimpinannya, Asean mengambil peranan yang lebih bertenaga dan dominan, menikmati kedudukan yang sama seperti perkumpulan lain dunia.

Semasa tempoh jawatannya, Asean menyaksikan kemasukan Myanmar, Kemboja dan Laos dalam keluarganya, oleh itu memperluaskan bidang kuasa dan pengaruhnya.

Hari ini, Asean telah menjadi kuasa yang disegani dan telah berevolusi daripada sekadar satu perkumpulan jiran-jiran mesra, kepada satu entiti teguh, mewujudkan kerjasama ekonomi bersama rakan-rakan dialog utama -- Jepun, Korea Selatan dan China -- di bawah entiti Asean campur tiga (Asean+3).

Dr Mahathirlah yang mencetuskan dan menggerakkan idea Asean+3, satu idea yang beliau cadangkan pada 1990 untuk mengimbangi blok-blok perdagangan yang dibentuk di Eropah dan Amerika Utara.

"Dr M", gelaran popular beliau, tidak lagi akan menjadi tumpuan Asean selepas beliau bersara, tetapi setelah mengukir nama sebagai tokoh dunia, idea dan pandangan beliau akan terus dicari," katanya.

-- BERNAMA

SS OPP JM PR

